

20 MAY 1999

Mohamed-Profil

TOK MAT SINONIM DENGAN KEMENTERIAN PENERANGAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Setelah berkhidmat selama empat penggal atau kira-kira 16 tahun sebagai Menteri Penerangan, nama Datuk Seri Mohamed Rahmat sudah menjadi sinonim dengan kementerian itu.

Penerangan juga adalah satu-satunya portfolio yang beliau pegang sebagai Menteri, walaupun sebelum itu pernah menjadi Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen di kementerian lain.

Sungguhpun mendapat pelbagai nama jolokan, tokoh berusia 61 tahun itu lebih mesra dengan gelaran Tok Mat di kalangan anak-anak buahnya di kementerian itu dan para wartawan.

Nama-nama gelaran lain yang diberi kepadanya ialah "Mat Besar" yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "Mat Bulat", "Mat Setia" dan "Mat Semarak".

Sebahagian daripada nama-nama gelaran itu mempunyai kaitan dengan beberapa program yang diperkenalkan beliau sebagai kempen kerajaan untuk menyatupadukan rakyat sesuai dengan akronim Kementerian Penerangan itu sediri "Kempen".

Di antara program yang meninggalkan kesan kepada rakyat ialah Program Semarak, Program Setia, Program Mesra, Program Kibarkan Bendera Malaysia dan Program Cinta Negara.

Beliau juga sangat dikenali sebagai seorang menteri yang mempunyai bakat dalam bidang nyanyian dan sering mendendangkan beberapa lagu di majlis-majlis tertentu.

Di kalangan para wartawan, Mohamed adalah seorang menteri yang mudah mesra dengan mereka dan keadaan itu tidak menghairankan bagi seorang yang membesar dalam sebuah keluarga yang agak besar.

Dilahirkan pada 4 Jan 1938 di Johor Baharu, Mohamed adalah anak ketujuh daripada 17 orang adik-beradiknya.

Dalam satu temubual dengan sebuah akhbar pada tahun 1971, Mohamed pernah menyatakan bahawa adik-beradiknya kesemuanya berjumlah 21 orang tetapi empat daripada mereka telah meninggal dunia.

Sebelum bergiat aktif dalam politik, Mohamed menjadi guru di sekolah King Edward VII, Taiping pada tahun 1963 dan penulis skrip Filem Negara dari tahun 1964 hingga 1965, yang juga menjadi tahun beliau mula bergiat aktif dalam politik.

Pada tahun 1965-lah kerjaya politiknya bermula apabila beliau dilantik sebagai setiausaha politik kepada Menteri Pengangkutan ketika itu Tun Sardon Jubir (Allahyarham).

Mohamed menyertai Umno cawangan Tampoi dalam bahagian Pulai dua tahun sebelum itu.

Selepas memenangi pilihan raya umum 1969 (Parlimen) bagi kawasan Johor Baharu Barat, beliau menyandang beberapa jawatan dalam pentadbiran kerajaan bermula sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada 1 Nov 1970 tetapi jawatan itu hanya disandang selama dua minggu sahaja.

Selepas itu beliau menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran sehinggalah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri Kewangan pada 13 Ogos 1973.

Selepas itu beliau berkhidmat sebagai Timbalan Menteri bagi Penyeragaman Perbadanan Awam sejak 5 Sept 1974 dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sejak 5 Mac 1975 hingga 31 Dec 1977.

Tanggal 1 Jan 1978, Mohamed dinaikkan pangkat sebagai Menteri Penerangan. Bagaimanapun beliau hanya berkhidmat dengan kementerian itu

satu penggal sahaja apabila beliau digugurkan daripada senarai Kabinet walaupun berjaya mempertahankan kerusi Parlimen kawasan Pulai pada pilihan raya umum 1982.

Mohamed bertanding dan mengekalkan kerusi Parlimen Pulai sejak pilihan raya 1974 hingga sekarang.

Walaupun digugurkan daripada Kabinet pada 28 April 1982, Mohamed dilantik sebagai Menteri tanpa potfolio pada 27 Ogos tahun yang sama dan dijadikan Duta Besar Malaysia ke Indonesia.

Beliau bagaimanapun meletakkan jawatan sebagai Duta pada 30 Nov 1984 dan meletak jawatan sebagai Menteri tanpa potfolio pada 7 Nov tahun berikutnya.

Pada 20 Mei 1987, beliau kembali menerajui Kementerian Penerangan dan sejak itu kerjaya politiknya kembali bersinar sebagaimana yang diungkapkan oleh seorang wartawan Utusan Melayu dalam satu wawancara eksklusif, "Mohamed dapat nyawa politik kedua."

Dalam politik, Mohamed pernah jatuh dan bangun dalam perjuangan dan berkat kesabaran dan komitmen terhadap perjuangan parti, Mohamed telah diberi kepercayaan memegang beberapa jawatan penting dalam parti.

Jawatan-jawatan itu termasuk anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno (1972-1974), Ketua Umno bahagian Pulai (1973-sekarang), Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno (1974-1976), anggota Majlis Tertinggi Umno (1975, 1978).

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung parti pada 13 April 1988 hingga 28 Nov 1996 dan Setiausaha Agung Barisan Nasional pada 22 Mac 1994 hingga sekarang.

-- BERNAMA

AFY NMO